

FOREX: Ringgit Ditutup Rendah Berbanding Dolar AS
Bernama
13 Disember, 2011

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Ringgit ditutup rendah berbanding dolar Amerika Selasa berikutan kekurangan minat terhadap mata wang Asia.

Pada pukul 5 petang, ringgit disebut harga pada 3.1801/1830 daripada 3.1575/1605 pada Isnin.

Para peniaga berkata pelabur enggan membuat pegangan besar dalam aset lebih berisiko berikutan kemungkinan penurunan penarafan kredit negara zon euro.

"Sidang kemuncak Kesatuan Eropah baru-baru ini gagal mengurangkan kebimbangan para pelabur berhubung krisis kewangan Eropah itu, menyebabkan mereka membeli pegangan dalam dolar Amerika sebagai mata wang selamat," kata seorang daripada mereka.

Sementara itu, ringgit naik sedikit berbanding dolar Singapura kepada 2.4366/4399 daripada semasa ditutup pada Isnin pada 2.4367/4394 tetapi menyusut berbanding yen kepada 4.0890/0944 daripada 4.0627/0691.

Mata wang tempatan juga turun berbanding pound British kepada 4.9554/9610 daripada 4.9169/9225 tetapi mengukuh berbanding euro kepada 4.1912/1968 daripada 4.2033/2088 sebelumnya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633906>